

182
SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI
MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM - BN]**

SOALAN NO.479

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan setakat manakah rakyat memahami Wacana TN50 khususnya golongan muda dalam kerangka membina negara bangsa Malaysia yang dinamik dan progresif.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi memberi penerangan yang tepat berhubung inisiatif Transformasi Nasional 2050 kepada segenap lapisan masyarakat terutama golongan muda. Sehingga 8 Oktober 2017, sebanyak **1.7 juta “engagement”** telah berjaya dicapai dan sebanyak 56,000 aspirasi berjaya dikumpulkan dari kalangan belia yang berumur di antara 15 dan 40 tahun. Ini membuktikan bahawa para belia turut memahami dan menyumbang dalam menjayakan inisiatif TN50.
2. Pelbagai program telah dilaksanakan seperti pertandingan video, pertandingan logo dan pertandingan esei TN50 yang dibuka untuk penyertaan di semua peringkat belia. Melalui kerjasama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, pertandingan esei, melukis dan mewarna yang bertemakan TN50 telah turut dilaksanakan melibatkan pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh Malaysia.
3. Selain daripada itu, Kementerian Belia dan Sukan turut bekerjasama dengan badan-badan korporat seperti Petronas, Prasarana, Permodalan Nasional Berhad dan banyak lagi dalam usaha sama untuk memastikan pemahaman wacana TN50 di kalangan para belia dari pelbagai latar belakang. Program-program yang telah dilaksanakan secara kolaborasi dengan badan-badan korporat ini ialah

SULIT

seperti dialog bersama profesional muda, membalut empat (4) gerabak LRT dan 23 buah bas dengan informasi berkenaan TN50 serta pelantikan duta-duta belia Prasarana yang ditempatkan di stesen-stesen LRT untuk mengumpul aspirasi belia.

4. Melalui program-program sebegini, secara tidak langsung kesedaran golongan belia terhadap wacana TN50 dapat dipupuk serta menyediakan medium untuk mereka melahirkan aspirasi serta membina kerangka masa depan Malaysia yang dinamik dan progresif.

Sekian, terima kasih.